

Tambang haji belum diputus — Abdullah

UM-28/5/2007

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 27 Mei - Lembaga Tabung Haji belum memutuskan kos perbelanjaan menunaikan haji bagi musim haji 1428 Hijrah, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin.

Beliau berkata, pihak Tabung Haji masih lagi mengumpul data-data perbelanjaan sebenar selepas selesai rundingan dengan syarikat penerbangan dan pemilik-pemilik bangunan di Mekah.

"Lembaga Tabung Haji masih berbincang dengan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) mengenai tambang haji 1428 Hijrah dan perkara itu belum lagi diputuskan oleh MAS," katanya dalam satu kenyataan malam ini.

Beliau berkata, MAS difahamkan akan memaklumkan kadar tambang tersebut kepada Tabung Haji pada minggu pertama bulan depan.

Katanya, pada musim haji lalu, MAS menaikkan tambang sebanyak 40 peratus dan kos itu terpaksa ditanggung oleh Tabung Haji.

Meningkat

Selain itu katanya, soal penyewaan rumah di Mekah juga belum selesai 100 peratus dan pada tahun ini rata-rata bangunan sekitar Masjidilharam yang bertaraf hotel, telah meningkatkan kadar sewa antara 15 hingga 20 peratus.

Menurut Abdullah, komponen terbesar dalam menentukan kos perbelanjaan haji ialah tambang kapal terbang dan sewa rumah di Tanah Suci.

"Kedua-dua komponen ini di luar kawalan Tabung Haji. Pada musim haji lalu, Tabung Haji telah membelanjakan RM36 juta sebagai bantuan untuk menampung kekurangan perbelanjaan haji bagi jemaah haji Malaysia," katanya.

Abdullah berkata, kertas kerja Kabinet bagi menentukan wang perbelanjaan haji jemaah haji Malaysia bagi tahun ini belum dibawa ke Kabinet.

Sehubungan itu, beliau menafikan laporan bahawa Kabinet telah menolak kertas cadangan tersebut.